

Syarikat perabot perlu transformasi tingkat daya saing

Syarikat perabot tempatan perlu melakukan transformasi dalam meningkatkan diri mereka dan kekal kompetitif dalam pasaran global, kata Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri J Jayasiri.

Menurutnya, syarikat terbabit perlu memberi tumpuan untuk membina kecemerlangan operasi dengan melabur dalam teknologi dan inovasi.

"Mereka juga digalakkan membangunkan kemahiran serta teknologi baharu dalam mereka bentuk produk sendiri yang akan memberikan kelebihan kompetitif dan

mewujudkan pasaran yang lebih baik," katanya pada majlis penyampaian hadiah Pesta Perabot Antarabangsa Malaysia 2017 (MIFF 2017) di Kuala Lumpur, semalam.

Jayasiri berkata, dengan berbuat demikian syarikat perabot boleh meningkatkan diri mereka melalui reka bentuk asal yang memeningkatkan estetika serta etika kerja yang baik.

Beri manfaat tingkat eksport

Beliau yakin sektor perabot akan memberi manfaat bagi memperluaskan eksport kepada ekonomi rakan kongsi perjanjian perdagangan bebas serta Perkongsian Ekono-



Jayasiri (empat dari kiri) bergambar bersama pemenang Pesta Perabot Antarabangsa Malaysia 2017 (MIFF 2017) di Kuala Lumpur, semalam.

mi Komprehensif Serantau (RCEP) apabila dimuktamadkan.

Menurutnya, kerajaan secara aktif akan menjayakan RCEP bagi membawa 16 negara ke dalam kerjasama ekonomi yang besar, dengan penekanan ke atas menggalakan pertumbuhan inklusif dan saksama.

RCEP dianggotai 16 negara membabitkan 10 negara ASEAN,

Australia, China, Jepun, Korea Selatan, India dan New Zealand.

Jayasiri berkata, RCEP akan mewujudkan perikatan serantau yang mempunyai tiga bilion penduduk dengan gabungan keluaran dalam negara kasar lebih AS\$17 trilion (RM75.7 trilion) dan lebih 40 peratus perdagangan dunia.

Beliau menggesa pengeluar perabot bekerjasama dengan

agensi kerajaan bagi meningkatkan strategi eksport serta mencari peluang pertumbuhan di dalam dan di luar pasaran tradisional.

MIFF 2017, yang menyambut ulang tahun ke-23 tahun ini, diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan Pusat Persidangan dan Pameran MATRADE di Kuala Lumpur, mulai Rabu lalu hingga hari ini. **BERNAMA**